

KANDUNGAN


**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN
(SOALAN NO. 10 HINGGA NO. 56)**

25 NOVEMBER 2015

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG DIJAWAB DI DALAM DEWAN (SOALAN NO. 1 HINGGA 9)**

**NURELFIRA BT MOHD DAUD
CAWANGAN PERUNDANGAN
PARLIMEN MALAYSIA**



PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN IDRIS BIN HAJI AHMAD
[BUKIT GANTANG]

TARIKH : 25.11.2015

SOALAN :

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah kriteria yang ditentukan untuk guru ganti apabila guru sekolah tersebut cuti bersalin, menunaikan haji dan cuti tanpa gaji bagi memastikan guru ganti tersebut mampu mengajar subjek dan menamatkan silibus yang ditinggal oleh guru yang bercuti.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi mengatasi kekosongan sementara apabila guru terlatih menghadiri latihan dalam perkhidmatan, cuti sakit berpanjangan, cuti bersalin, menunaikan haji, bercuti tanpa gaji atau separuh gaji atau menghadiri program kokurikulum, pihak sekolah melalui kebenaran Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), boleh mengambil guru ganti yang terdiri daripada lepasan SPM, STPM, Diploma atau Ijazah dan sama ada yang memiliki latihan ikhtisas atau tidak bagi mengisi kekosongan guru sekurang-kurangnya 14 hari dan tidak melebihi 365 hari.

Sekiranya sekolah memerlukan guru ganti, pentadbir sekolah akan membuat permohonan ke PPD. Hanya calon yang telah ditemu duga dan

bersesuaian dengan opsyen yang diperlukan akan dilantik sebagai guru ganti ke sekolah berkenaan.

Guru ganti yang telah dilantik akan melaksanakan pembelajaran dan pengajaran di bilik darjah seperti guru tetap. Mereka perlu mengendalikan proses pengajaran dan pembelajaran yang ditinggalkan oleh guru tetap yang bercuti atau berkursus. Buku persediaan mengajar dan rekod-rekod pelajar perlu disediakan dan diselia seperti yang dilaksanakan oleh guru yang digantikan, termasuk juga aktiviti kokurikulum. Guru ganti juga perlu melaksanakan aktiviti kokurikulum di waktu petang seperti tugas guru tetap yang diganti oleh beliau.

RJM62

SOALAN NO.: 11

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO SRI DR. MUHAMMAD LEO MICHAEL
TOYAD ABDULLAH [MUKAH]**

TARIKH : 25 NOVEMBER 2015

SOALAN :

**Dato Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah [Mukah]
minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI
menyatakan apakah langkah Kerajaan dalam usaha menjaga
kepentingan pekebun-pekebun getah di luar bandar.**

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan amat prihatin terhadap taraf hidup pengusaha tanaman getah yang kebanyakannya terdiri daripada pekebun kecil luar bandar. Bagi membantu golongan ini, Kerajaan telah merangka jaringan keselamatan sosial (*social safety net*) dengan melaksanakan dua program seperti berikut:

- (i) Menyediakan skim bantuan khas sebanyak RM500 seorang secara *one off* kepada pekebun kecil getah di seluruh negara pada tahun 2013 dan 2014; dan
- (ii) Melaksanakan Insentif Pengeluaran Getah (IPG) mulai Januari 2015. Semasa pembentangan Belanjawan 2016 pada 23 Oktober 2015 yang lalu, Kerajaan telah mengumumkan untuk menaikkan Paras Harga Pengaktifan IPG daripada RM5.10 sekilogram yang telah berkuat kuasa mulai bulan September 2015 kepada RM5.50 sekilogram atau apabila purata bulanan harga di ladang *cuplumps* mencecah RM2.20 sekilogram ke bawah berbanding dengan RM2.00 sekarang.

Selain itu, bagi memastikan para pekebun kecil menikmati harga yang berpatutan dan remuneratif, Kerajaan melalui Lembaga Getah Malaysia (LGM) melaksanakan mekanisme penetapan harga di peringkat ladang dengan peruntukan sebanyak RM6.4 juta. Mekanisme ini melibatkan

penyertaan koperasi dalam urusniaga getah bagi mengurangkan lapisan pembeli. Sehingga kini, sebanyak 18 koperasi sedang terlibat dengan aktiviti ini.

Di samping program-program tersebut, Kerajaan juga memberi geran bagi tanaman baru dan tanam semula getah di bawah program Bidang Keberhasilan Utama Ekonomi atau dengan izin, NKEA (National Key Economic Area). Di bawah program ini, jumlah bantuan geran adalah sebanyak RM9,230 sehektar di Semenanjung Malaysia, RM14,000 sehektar di Sabah dan RM13,500 sehektar di Sarawak. Bantuan ini adalah dalam bentuk benih klon getah yang berkualiti tinggi, baja dan racun rumpai.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selain daripada bantuan yang disediakan oleh Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah melalui RISDA juga memainkan peranan penting dalam membantu pekebun-pekebun kecil getah. Ia termasuk menyediakan program latihan dan tunjuk ajar untuk pekebun kecil getah bagi membolehkan mereka mengamalkan amalan agronomi yang baik dan memperolehi hasil yang memuaskan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU]

TARIKH : 25.11.2015

SOALAN :

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah kandungan buku teks darjah 4 dan 5 akan disusun semula supaya 1963 Hari Penubuhan Malaysia akan dimasukkan. Mengapa Hari Malaysia tidak dipandang dengan serius oleh Kerajaan Persekutuan, ianya hanya di umum sebagai hari cuti selepas 2009.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Penulisan buku teks Sejarah Tahun 4, 5 dan 6 adalah mengikut keperluan tajuk/tema yang terdapat dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) yang disediakan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK), KPM. Penulisan buku teks Sejarah adalah mengikut kehendak kurikulum berdasarkan rentetan kronologi masa dan peristiwa sejarah negara termasuk Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. **Topik Pembentukan Malaysia 1963 telah pun dimasukkan dalam buku teks Sejarah Tahun 6 di bawah Tema Kemakmuran Negara Kita dengan tajuk Negara Malaysia.**